

625  
MAHATHIR

ALOR SETAR, 15 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMMED HARI INI MENYERU SELURUH RAKYAT YANG TAAT SETIA KEPADA NEGARA INI SUPAYA MEMPUNYAI KESEDARAAN DAN PERASAAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA YANG SEDANG DIANCAM OLEH PENGGANAS KOMUNIS.

KATANYA, TIDAK ADA NEGARA DI DUNIA INI AKAN KEKAL DAN MAJU SEKIRANYA RAKYAT TIDAK MEMPUNYAI KESEDAERAN DAN PERASAAN BERTANGGUNGJAWAB SAPERTI ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP KEPADA BERATUS-RATUS ORANG PENDUDUK KAMPUNG KUBANG PASU DAN KAMPUNG-KAMPUNG SEKITARNYA DI KAMPUNG TERSEBUT, 21 BATU DARI SINI PETANG INI.--  
BERSAMBUNG BY/1913

626  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR, YANG JUGA AHLI PARLIMEN KAWASAN KUBANG PASU TIBA DI SINI PAGI TADI UNTUK LAWATAN SELAMA EMPAT HARI KE KEDAH.

BELIAU BERKATA KEADAAN EKONOMI DAN KESELAMATAN NEGARA INI DIMASA DEPAN ADALAH TERLETAK DIDALAM TANGAN RAKYAT DAN BUKANNYA SEMATA-MATA MENJADI TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI POLITIK DAN PASUKAN KESELAMATAN.

INI ADALAH DISEBABKAN KEGANASAN KOMUNIS BUKAN SAJA MENGANCAM KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA TETAPI JUGA MEMBAHAYAKAN KEHIDUPAN DAN NYAWA RAKYAT.--BERSAMBUNG BY/1916

627  
MAHATHIR 3 ALOR STAR

SEKIRANYA RAKYAT DAPAT MENGAMALKAN SIKAP SAPERTI YANG DITUJUKAN PADA MASA DHARURAT DULU, BELIAU YAKIN USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MENGHAPUSKAN PENGGANAS KOMUNIS AKAN MENCAPAI KEJAYAAN PENOH.

DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN JIKA RAKYAT TIDAK BERSATU PADU DAN MEMBERI SOKONGAN PENOH KEPADA KERAJAAN MALAYSIA AKHIRNYA AKAN JATOH KETANGAN KOMUNIS, BAGAIMANA YANG BERLAKU KEPADA NEGARA-NEGARA SEPERTI VIETNAM DAN KEMBOJA.

KALAU LAH INI BERLAKU, TAMBAHNYA RAKYAT TIDAK LAGI MENGECEP NIKMAT KEMERDEKAAN, DEMOKRASI DAN JUGA KEBEBASAN BERUGAMA.

KATANYA, RAKYAT PERLU MEMIKIR SECARA SERIOUS TENTANG PERKARA INI KERANA JIKA KOMUNIS BERKUASA DI NEGARA INI TIDAK ADA KE-MUNGKINAN LAGI UNTUK KITA MENEMBUS KEBEBASAN SEMULA.

DR. MAHATHIR BERKATA JENERASI MUDA AKAN DIASOH DENGAN IDEOLOGI KOMUNIS YANG ANTI ISLAM KERANA ADALAH MENJADI TUJUAN MEREKA UNTUK MEMISAHKAN RAKYAT DARI UGAMA.--BERSAMBUNG BY/1921

629  
MAHATHIR 4 ALOR SETAR

BELIAU MEMINTA RAKYAT SUPAYA MENYOAL DIRI MEREKA SENDIRI SAMA ADA MEREKA INGIN KEJADIAN ITU TERJADI DI MALAYSIA DAN MENGHADAPI AKIBATNYA.

DR. MAHATHIR MENYERU RAKYAT SUPAYA JANGAN MEMBENARKAN PENYOKONG KOMUNIS DATANG KE KAMPUNG MEREKA DAN MENGHASUT MEREKA UNTUK TUNJUK PERASAAN MENENTANG KERAJAAN.

MENGENAI RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA, DR. MAHATHIR BERKATA SETENGAH RANCANGAN YANG TIDAK EKONOMI TERPAKSA DILAMBATKAN PELAKSANAANNYA.

INI DISEBABKAN KERAJAAN TERPAKSA MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK BAGI KESELAMATAN NEGARA.--BERNAMA BY/1924